



KARNIVAL USAHAWAN DAN KELUARGA

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI



3 OKTOBER 2017

PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATIN SRI ROBA'AISHAH BINTI MOHD GHAZALI
PENGERUSI PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SEMPENA

KARNIVAL USAHAWAN DAN KELUARGA
PUSPANITA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PADA 3 OKTOBER 2017 (SELASA)
JAM 9.00 PAGI

DI BALORA PERDANA, ARAS B1
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA.

Yang Berusaha Saudari Pengacara Majlis, **Puan Marsheila binti Selamat;**

Yang Berbahagia **Datin Hasimaton binti Md. Isa**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JPN selaku Pengerusi Biro Keusahawanan dan Pembangunan Keluarga, PUSPANITA Cawangan KDN;

Yang Berbahagia **Dato' Mohd Zahari bin Hassan**, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPN;

Yang Berbahagia Datin-Datin Timbalan-Timbalan Pengerusi dan Pengerusi-Pengerusi Cawangan Kecil PUSPANITA di bawah KDN;

Yang Berusaha **Puan Nurul Ashikin binti Subli**, Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JPN serta Pengarah-Pengarah Bahagian JPN;

Barisan Jawatan Kuasa PUSPANITA Cawangan KDN khususnya PUSPANITA Cawangan Kecil JPN selaku AJK Biro Keusahawanan dan Pembangunan Keluarga serta;

Puan-Puan ahli PUSPANITA Cawangan KDN yang dikasihi sekalian.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati sekalian..

1. ALHAMDULILLAH. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada yang Maha Berkuasa Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama lagi pada hari yang penuh bermakna ini.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepada Yang Berbahagia **Datin Hasimaton binti Md. Isa**, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JPN selaku Pengerusi Biro Keusahawanan dan Pembangunan Keluarga, PUSPANITA Cawangan KDN kerana telah menganjurkan **Karnival Usahawan dan Keluarga** ini.

3. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia **Dato' Mohd Zahari bin Hassan**, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPN kerana telah sudi bekerjasama dengan PUSPANITA Cawangan KDN untuk melaksanakan program ini. Tanpa sokongan daripada pihak Yang Berbahagia Dato', tentunya program ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Pada hari ini, ahli-ahli PUSPANITA Cawangan KDN amat bertuah kerana PUSPANITA Cawangan Kecil JPN telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan **Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd (MDEC)** menerusi konsep **Strategi Lautan**

Biru Kebangsaan (NBOS) dalam menjayakan Karnival Usahawan dan Keluarga ini. Program yang bertemakan '**Wanita dan Bisnes Berpisah Tiada**' merupakan suatu program yang dianjurkan khusus buat warga PUSPANITA Cawangan KDN yang ingin menambah pengetahuan mengenai asas-asas keusahawanan serta pembentukan keperibadian dan keluarga bahagia.

5. Selain daripada **ceramah nilai-nilai murni** yang dikongsikan oleh penceramah-penceramah jemputan, ahli-ahli PUSPANITA juga berpeluang untuk mendapat **khidmat nasihat keusahawanan** secara terus daripada pihak MDEC menerusi program eRezeki. Pembukaan **gerai-gerai jualan dan food truck** juga memberi peluang kepada ahli untuk mencari pendapatan sampingan disamping dapat membeli barangan keperluan pada harga yang berpatutan. Dalam ucapan ini, suka saya menyampaikan pesanan daripada Yang Berbahagia **Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim**, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri selaku Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Dalam Negeri agar semua ahli dapat **mematuhi segala peraturan-peraturan penjawat awam yang ditetapkan dalam menjalankan pekerjaan luar**. Suka diingatkan agar pekerjaan tersebut hendaklah mendapat kebenaran Ketua Jabatan dan dilakukan di luar waktu bekerja serta tidak mengganggu tugas hakiki masing-masing.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Selain dari gerai-gerai jualan dan *food truck*, PUSPANITA juga turut menyediakan kempen derma darah dan pameran kesihatan daripada **Pusat Sumber Transplant Nasional**. Bagi memeriahkan lagi atur cara program, **pertandingan gubahan buah dan kraf tangan** turut diadakan bagi mencungkil bakat-bakat istimewa ahli-ahli PUSPANITA KDN.

7. Diharapkan program ini akan menjadi suatu wahana kepada ahli PUSPANITA ke arah pembinaan dan pembentukan modal insan sejajar dengan **matlamat PUSPANITA iaitu untuk menjadi persatuan wanita yang berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketerampilan dan bertaqwa supaya dapat menyumbang kepada pembangunan diri, keluarga dan masyarakat.**

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada PUSPANITA Cawangan Kecil JPN kerana selain dari Karnival ini, PUSPANITA Cawangan Kecil JPN juga telah menganjurkan tiga program sebelum ini, iaitu Kursus Kemahiran Pembuatan Roti pada 6 April 2017, Kursus Asas Solekan pada 17 April 2017 dan Program "*Visit and Learn*" ke Kilang Cookies Hidayah pada 22 Mei 2017. Semoga kesemua aktiviti yang dijalankan ini dapat dimanfaatkan oleh semua ahli dan mendapat keberkatan dariNya.

9. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada seluruh barisan Jawatan Kuasa PUSPANITA KDN dan semua yang dapat turut serta dalam Karnival pada pagi ini. Sebelum saya merasmikan Karnival ini terimalah dua rangkap pantun:

Pasir putih di pinggir kali
Pekan menyabung ayam berlaga
Kasih tak boleh dijual beli
Bukannya benda buat berniaga.

Pokok ketapang tumbuh menunggul
Dipotong-potong dibuat papan
Sepakat muafakat perkara yang unggul
Bahagia keluarga aman kehidupan

Oleh itu dengan lafaz BISMILLAHIRAHMANIRAHIM saya merasmikan Karnival Usahawan dan Keluarga PUSPANITA KDN bagi tahun 2017.

Sekian , terima kasih.

WABILLHAHHITAUFIK WALHIDAYAH.

WASSALAMUALIKUM WARAHMATULLAH HIWABARATUH.